	4	Menganalisis bersikap benar serta mengamalkannya.	121		
	5	Menilai bersikap benar serta mengamalkannya secara beradab.	122		
	6	Merumus bersikap benar serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	122		
Tahap Penguasaan Pelajaran 22 TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐					
23 Khauf dan Raja'	1	Menyatakan konsep khauf dan raja'.	126		
	2	Memahami konsep khauf dan raja'.	126		
	3	Mengaplikasi sifat khauf dan raja'.	127		
	4	Menganalisis sifat khauf dan raja' serta mengamalkannya.	127		
	5	Menilai kefahaman sifat khauf dan raja' serta mengamalkannya secara beradab.	127		
	6	Merumus kefahaman sifat khauf dan raja' serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	128		
Tahap Penguasaan Pelajaran 23 TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐					
24 Adab terhadap Orang Sakit dan Kurang Upaya	1	Menyatakan adab terhadap orang sakit dan orang kurang upaya.	132		
	2	Memahami adab terhadap orang sakit dan orang kurang upaya.	132		
	3	Mengaplikasi adab terhadap orang sakit dan orang kurang upaya.	132, 133		
	4	Menganalisis adab terhadap orang sakit dan orang kurang upaya serta mengamalkannya.	133		
	5	Menilai adab terhadap orang sakit dan orang kurang upaya serta mengamalkannya secara beradab.	133		
	6	Merumus adab terhadap orang sakit dan orang kurang upaya serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	133		
Tahap Penguasaan Pelajaran 24 TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐					
25 Wasatiah Menjamin Kecemerlangan Umat	1	Menyatakan konsep wasatiah.	137		
	2	Memahami konsep wasatiah.	137		
	3	Mengaplikasi konsep wasatiah.	137		
	4	Menganalisis konsep wasatiah serta mengamalkannya.	138		
	5	Menilai konsep wasatiah serta mengamalkannya secara beradab.	138, 139		
	6	Merumus konsep wasatiah serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	139		
Tahap Penguasaan Pelajaran 25 TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐					

PELAJARAN

1

Surah al-An'am, Ayat 162 – 163




»» Ayat Bacaan dan Hafazan: Surah al-An'am, Ayat 162 – 163

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

(Surah al-An'am: 162 – 163)

Maksudnya: Katakanlah: Sesungguhnya solatku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah, Tuhan yang mentadbir sekalian alam. Tiadalah sekutu bagi-Nya. Dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan dan aku ialah orang Islam yang awal pertama yang berserah diri kepada Allah SWT.

»» Inti Sari Ayat



1.26.1

Baca Ayat dengan Betul, Lancar, Bertajwid dan Fasih

Buku Teks ms. 2 – 5

1. Baca ayat di bawah dengan betul, lancar, bertajwid dan fasih.



MAHIR SPM

TP 1

SP

1.26.1

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

(Surah al-An'am: 162 – 163)

2. Padankan maksud potongan ayat di bawah dengan betul.

TP 2

TP 3

SP

1.26.1

(a) صَلَاتِي وَنُسُكِي	•————•	solatku dan ibadatku
(b) وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي	•————•	Tuhan yang mentadbir sekalian alam
(c) رَبِّ الْعَالَمِينَ	•————•	hidupku dan matiku
(d) لَا شَرِيكَ لَهُ	•————•	Tiada sekutu bagi-Nya
(e) وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ	•————•	orang Islam yang awal pertama
(f) أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ	•————•	Dan dengan demikian aku diperintahkan

1.26.2

Inti Sari Ayat

Buku Teks ms. 2 – 5

3. Senaraikan inti sari ayat 162 – 163 surah al-An'am.

TP 4

SP

1.26.2

(a) Segala ibadat yang dilakukan perlu mengikut syariat Nabi Muhammad SAW.

VIDEO



Surah al-An'am
ayat 162 – 163

(b) Kehidupan di dunia perlu dipenuhi dengan melaksanakan perintah Allah SWT.

(c) Solat ialah tonggak kepada segala amalan seseorang Muslim.



1.26.3

Hafaz dengan Betul, Lancar dan Bertajwid

PBD Formatif

Buku Teks ms. 2 – 5

4. Hafaz potongan ayat al-Quran di bawah dengan betul, lancar dan bertajwid.

TP 5

SP
1.26.3KBAT
Menilai

وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ	لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ	قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي
وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ	لَا شَرِيكَ لَهُ	وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي

5. Susun semula potongan ayat al-Quran di bawah menjadi ayat yang lengkap. Tulis nombor jawapan sahaja.

TP 5

SP
1.26.3

وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ	1
وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ	2
قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ	3
لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ	4

(Surah al-An'am: 162 – 163)

(a) 3

(b) 1

(c) 4

(d) 2

Aktiviti PAK-21



Pendengaran Bertiga

1. Murid diminta duduk dalam kumpulan yang terdiri daripada tiga orang atau lima orang ahli.
2. Guru memberikan tajuk, iaitu menghafaz ayat 162 hingga 163 dari surah al-An'am.
3. Murid menghafaz ayat tersebut.
4. Kemudian setiap ahli kumpulan perlu memperdengarkan bacaan hafazan antara satu sama lain.
5. Pencatat akan membuat laporan selepas hafazan tersebut berakhir.

TP 6

Tahap Penguasaan Pelajaran 1

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

KERTAS 2

1. (a) Anda dikehendaki membaca ayat al-Quran berikut.

Buku Teks
ms. 2

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

(Surah al-An'am: 162 – 163)

Murid membaca ayat di atas.

[50 markah]

- (b) Sila ulang dan sambung bacaan berikut.

Buku Teks
ms. 2

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي ...

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

[15 markah]

2. (a) Anda dikehendaki membaca ayat al-Quran berikut.

Buku Teks
ms. 2

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

(Surah al-An'am: 162)

Murid membaca ayat di atas.

[50 markah]

**KBAT****EKSTRA****PELAJARAN 1**

Berhenti

Disyariatkan

Solat lima waktu ialah satu kewajipan. Tunaikan solat walau di mana-mana sahaja anda berada.

1. Bagaimanakah anda berusaha menjaga solat fardu setiap hari? Kemukakan hujah anda.

KBAT
Mencipta

Saya akan menjaga solat lima waktu dengan menjadikan solat sebagai urusan pertama dalam aktiviti harian. Setiap hari saya akan berusaha untuk tidak lewat-lewatkan solat. Saat mendengar azan, saya akan berhenti melakukan sesuatu perkara dan bersiap untuk menunaikan solat terutama secara berjemaah. Kesimpulannya, tiada jaminan yang kita masih hidup saat menangguhkan solat fardu.

Keikhlasan merupakan faktor utama segala ibadat diterima oleh Allah SWT.

2. Mengapakah kita perlu menghadirkan sifat ikhlas ketika beribadat kepada Allah SWT? Huraikan hujah anda.

KBAT
Menganalisis

Manusia disyariatkan beribadat tanpa perlu memikirkan asbab ibadat itu diperintahkan sedemikian. Hal ini bertujuan agar ibadat yang dilakukan benar-benar ikhlas kerana Allah SWT tanpa mengharap sesuatu ganjaran. Kesimpulannya, keikhlasan itu datangnya daripada hati yang bersih dan jujur demi mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.



PELAJARAN

5


Memahami Sunatullah




Sunatullah

Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk dan tiada sesiapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut

»» Sebab Kejayaan Umat Terdahulu



»» Sebab Kemusnahan Umat Terdahulu



1.30.1

Baca Ayat dengan Betul, Lancar dan Bertajwid

1. Baca ayat di bawah dengan betul, lancar dan bertajwid.

TP 1

SP
1.30.1

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَاسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمُ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah ali-Imran: 137 – 139)

1.30.2

Maksud Ayat

2. Nyatakan maksud bagi ayat 137 – 139 dari surah ali-Imran dengan betul.

TP 2

SP
1.30.2

	Potongan ayat	Maksudnya
(a)	قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ	Sesungguhnya telah berlaku sebelum kamu sunah-sunah (peraturan dan ketetapan Allah)
(b)	فَاسِيرُوا فِي الْأَرْضِ	Maka mengembaralah kamu di muka bumi
(c)	فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ	Kemudian, perhatikanlah bagaimana kesudahan golongan pendusta
(d)	هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ	(Al-Quran) ini ialah penerangan kepada seluruh manusia
(e)	وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ	Dan petunjuk serta pengajaran bagi orang yang (hendak) bertakwa
(f)	وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا	Dan janganlah kamu berasa lemah dan janganlah kamu berdukacita
(g)	وَأَنْتُمُ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ	Pada hal kamulah orang yang tertinggi (darjatnya) jika kamu orang yang beriman

3. Nyatakan maksud kalimah berikut.

TP 2

SP
1.30.2

	Kalimah	Maksudnya
(a)	سُنَنٌ	Sunah-sunah / peraturan dan ketetapan Allah
(b)	فَانظُرُوا	Perhatikanlah

	Kalimah	Maksudnya
(c)	فَاسِيرُوا	Maka mengembaralah kamu
(d)	بَيَانٌ	Penerangan



1.30.3

Sebab Turun Ayat

PBD Formatif

Buku Teks ms. 30

4. Jelaskan sebab turunnya ayat 139 dari surah ali-'Imran.

TP 2

SP
1.30.3

Menurut Ibnu Abbas, ayat tersebut diturunkan ekoran kekalahan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat r.a dalam Perang Uhud. Kekalahan tersebut membuatkan para sahabat merasa sangat kecewa, berduka cita dan lemah semangat lalu Rasulullah SAW berdoa: "Ya Allah janganlah Engkau biarkan mereka menewaskan kami, Ya Allah tiada daya melainkan kekuatan-Mu, Ya Allah tiada lagi yang akan menyembah-Mu kecuali kumpulan kami ini, maka bantulah kami." Lalu turunlah ayat ini membawa berita gembira bahawa pertolongan Allah SWT tetap akan bersama orang yang beriman.

NOTA
eP+

1.30.4

Konsep Sunatullah

PBD Formatif

Buku Teks ms. 31 – 32

5. Nyatakan maksud sunatullah.



MAHIR SPM

TP 3

SP
1.30.4

Sunatullah ialah sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk dan tiada sesiapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut

6. Jelaskan konsep sunatullah yang membuktikan kehebatan dan kekuasaan Allah SWT.

TP 3

SP
1.30.4

Konsep
sunatullah

- (a) Sunatullah bersifat tetap dan kekal dengan izin Allah SWT
- (b) Sunatullah merangkumi semua makhluk

1.30.5

Kepentingan Mengkaji dan Meneliti Sejarah Umat Terdahulu

PBD Formatif

Buku Teks ms. 33

7. Terangkan kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu.

TP 4

SP
1.30.5

- (a) Dapat mengenal pasti sebab kejayaan umat terdahulu.
- (b) Dapat mengenal pasti sebab kemusnahan umat terdahulu.

1.30.6 Kesan Memahami Sunatullah

PBD *Formatif*

Buku Teks ms. 34

P + PENDIDIKAN SIVIK 1

8. Huraikan kesan kepada diri seseorang Mukmin apabila memahami konsep sunatullah. **TP 5**

SP
1.30.6

KBAT
Menilai

- (a) Meyakini setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut ketetapan dan kehendak Allah SWT
- (b) Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan supaya mencapai kejayaan
- (c) Menerima semua ketetapan Allah SWT dengan sikap positif
- (d) Membentuk jati diri dan jihad yang tinggi menghadapi cabaran hidup

1.30.7 Pengajaran Ayat

PBD *Formatif*

Buku Teks ms. 30

9. Terangkan pengajaran yang terdapat dalam ayat 137 – 139 daripada surah ali-'Imran. **TP 5**

SP
1.30.7

VIDEO



Sunatullah
menurut
Ahli Sunah
Waljamaah

- (a) Kita hendaklah menjaga keimanan supaya beroleh kehidupan yang tinggi di sisi Allah SWT.
- (b) Kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT telah mengatur kehidupan manusia bersesuaian dengan ketetapan-Nya.

Aktiviti PAK-21



Tiga Bergerak, Satu Kekal

KBAT

Menganalisis

1. Murid membuat aktiviti dalam kumpulan.
2. Guru memberikan tajuk "Iktibar perang Uhud dalam memahami sunatullah".
3. Murid berbincang mengenai topik yang diberikan.
4. Hasil dapatan perlu ditampalkan di hadapan kelas.
5. Seorang ahli kumpulan bagi setiap kumpulan akan memberikan penerangan.
6. Ahli kumpulan lain boleh bergerak untuk melihat dan menyoal hasil dapatan kumpulan lain.

TP 6

Tahap Penguasaan Pelajaran 5

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

KERTAS 1

1. (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٩﴾ هَذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٤٠﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٤١﴾

(Surah ali-Imran: 137 – 139)

Ayat di atas menjelaskan bahawa semua kejadian makhluk adalah berdasarkan sunatullah. Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan maksud kalimah yang bergaris di atas.

Buku Teks
ms. 29

Maka mengembaralah kamu.

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** konsep sunatullah berdasarkan ayat di atas.

Buku Teks
ms.
31 – 32

• Sunatullah bersifat tetap dan kekal dengan izin Allah SWT.

• Sunatullah merangkumi dan berlaku kepada semua makhluk.

[4 markah]

Bukit Uhud adalah merupakan tempat berlakunya perang Uhud pada tahun ke-3 Hijrah antara tentera Islam dengan kafir Quraisy.

(iii) Apakah kaitan perang Uhud dengan penurunan ayat 139 di atas?

Ayat ini menyeru agar Umat Islam tidak merasa lemah, bersedih dan berputus asa setelah mengalami kekalahan dalam perang Uhud sehingga ramai sahabat Nabi SAW gugur sebagai syahid, sebaliknya bangkit dan berjuang kembali kerana merekalah golongan yang paling tinggi darjatnya di sisi Allah jika beriman dengan sebenar-benarnya.

KBAT Menganalisis

[4 markah]



Firman Allah SWT yang bermaksud:

"(Kekalahan orang yang menentang Rasul Allah sudah tetap menurut)" Sunatullah (peraturan Allah) yang telah berlaku semenjak dahulu lagi dan Engkau tidak akan mendapati sebarang perubahan bagi cara dan peraturan Allah itu"

(Surah al-Fath: 23)

1. Berdasarkan pemahaman ayat di atas, buktikan hujah anda bahawa sejarah adalah sebahagian daripada sunatullah.

KBAT

Menganalisis

Sejarah bukanlah suatu kebetulan kerana sememangnya setiap peristiwa yang tercatat adalah menurut sunatullah. Tiada apa-apa yang berlaku dari sekecil-kecil atom mahupun berubahnya siang dan malam, putaran kehidupan atau cara manusia membiak, ekosistem dan pelbagai lagi melainkan di bawah tadbir Allah SWT. Contohnya, seorang doktor pasti merujuk sejarah keturunan kesihatan seseorang pesakit sebelum berani mengambil kesimpulan terhadap sakit dan rawatan pesakitnya.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Tunjukkanlah kami kepada jalan yang lurus, (iaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat."

(Surah al-Fatihah: 6 – 7)

2. Berdasarkan ayat di atas, mengapakah Allah SWT memerintahkan umat Islam supaya mempelajari kejadian masa lalu dan kisah sejarah umat terdahulu? Kemukakan hujah anda.

KBAT

Menganalisis

Allah SWT mengisyaratkan perintah supaya meneladani jalan lurus yang ditempuh oleh orang-orang yang mendapat nikmat dan menghindari kesesatan orang-orang yang dimurkai Allah SWT. Untuk merealisasikan hal tersebut, kita harus mengkaji dan menyelidiki sejarah keberhasilan serta kejayaan umat yang selamat. Kesimpulannya, kita hendaklah mengetahui sejarah agar dapat mempelajari hikmah di sebalik setiap kejadian.

PELAJARAN

18

Kerajaan Khulafa Ar-Rasyidin



»» Pencapaian Pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin

Aspek	Nama khalifah	Pencapaian
Agama	Abu Bakar al-Siddiq	Berjaya memerangi golongan murtad, nabi palsu dan golongan enggan bayar zakat
	Umar bin al-Khattab	Menyebarkan dakwah Islam hingga tersebar ke Mesir, Parsi dan Rom
Politik	Abu Bakar al-Siddiq	Pembukaan wilayah baharu Islam di Iraq dan Syam
	Umar bin al-Khattab	Menubuhkan majlis syura, jabatan tentera, jabatan polis, jabatan percukaian dan jabatan perbendaharaan negara
	Uthman bin Affan	Berjaya mematahkan pemberontakan dan penaklukan serta meluaskan kuasa wilayah Islam hingga ke Mesir, Rom dan Afrika Utara serta menawan pulau Cyprus
Ekonomi	Umar bin al-Khattab	- Memperkenalkan pelbagai cukai baharu seperti jizyah dan kharaj - Memajukan sistem pengairan dan saliran - Mengemas kini institusi baitulmal - Meneroka tanah baharu untuk memperbanyakkan hasil tanaman
	Ali bin Abi Talib	Meneruskan kutipan jizyah yang dikenakan kepada golongan zimmi
Sosial	Umar bin al-Khattab	- Memperkenalkan undang-undang pentadbiran tanah - Mengasaskan takwim Islam sebagai asas permulaan pengiraan tahun hijrah - Membina banyak kemudahan awam seperti tali air
Ketenteraan	Umar bin al-Khattab	- Meneruskan pembebasan negeri di wilayah Iraq - Membuka Baitulmuqaddis, Palestin dan Iraq
	Uthman Bin Affan	Menubuhkan angkatan tentera laut Islam yang pertama bagi tujuan keselamatan dan peluasan kuasa jajahan Islam
Pendidikan	Abu Bakar al-Siddiq	Mengumpul dan menulis semula naskhah al-Quran susulan 70 orang penghafaz al-Quran syahid dalam peperangan Yamamah
	Umar bin al-Khattab	Menubuhkan sekolah, iaitu I-Kuttab
	Uthman bin Affan	Menyelaraskan bacaan (qiraat) dan penulisan mashaf al-Quran menggunakan bahasa Quraisy dengan nama mashaf uthmani

5.10.1 Era Pemerintahan Kerajaan Islam

1. Nyatakan era pemerintahan kerajaan Islam berdasarkan jadual di bawah.

TP 1

SP
5.10.1
KBAT
Menilai
P+
NOTA (a)
NOTA (b)

	Era pemerintahan	Zaman kerajaan	Tahun memerintah	Pusat pemerintahan	Khalifah terkenal
(a)	1	Rasulullah SAW	1-11H / 622-632M	Madinah	Rasulullah SAW
(b)	2	Khulafa ar-Rasyidin	11-40H / 632-661M	Madinah	• Abu Bakar al-Siddiq • Umar bin al-Khattab • Uthman bin Affan • Ali bin Abi Talib
(c)	3	Umayyah	41-132H / 661-750M	Damsyik	• Muawiyah bin Abi Sufian • Abdul Malik bin Marwan • Al-Walid bin Abdul Malik • Umar bin Abdul Aziz
(d)	4	Abbasiyah	132-656H / 750-1258M	Baghdad	• Abu al-Abbas al-Saffah • Abu Jaafar al-Mansur • Harun al-Rasyid • Abu Jaafar al-Makmun
(e)	5	Uthmaniah	698-1341H / 1299-1924M	Istanbul	• Uthman bin Ertughrul • Urhan • Muhammad al-Fateh • Sulaiman al-Qanuni



5.10.2

Ciri Kepimpinan Khulafa ar-Rasyidin

PBD Formatif

Buku Teks ms. 154 – 157

2. Terangkan ciri kepimpinan Khulafa ar-Rasyidin di bawah.



MAHIR SPM

TP 2

TP 3

NOTA (c)
NOTA (d)
eP+

SP
5.10.2

Nama khalifah	Ciri kepimpinan	Contoh
(a) Abu Bakar al-Siddiq r.a.	Tegas	(i) Tegas memerangi golongan murtad, nabi palsu dan mereka yang enggan membayar zakat
	Mengamalkan syura	(ii) Mengambil kira pendapat para sahabat dalam menentukan strategi perang dengan membahagikan empat pasukan tentera hingga berjaya menawan negeri Syam
(b) Umar bin al-Khattab r.a.	Tegas	(i) Menggantikan kepimpinan Khalid bin al-Walid sebagai panglima angkatan tentera Islam dengan Abu Ubadah al-Jarrah semasa perang Yamamah
	Cekap	(ii) Menubuhkan Majlis Syura dan beberapa jabatan baharu (al-Diwan) serta mengemas kini baitulmal bagi melicinkan pentadbiran negara
(c) Uthman bin Affan r.a.	Inovatif	(i) Menubuhkan angkatan tentera laut Islam sehingga berjaya melebarkan pengaruh Islam di Syam dan Mesir
	Berfikiran terbuka	(ii) Melonggarkan syarat penggunaan harta baitulmal
(d) Ali bin Abi Talib r.a.	Tegas	(i) Memecat beberapa gabenor yang dilantik oleh khalifah Uthman seperti Muawiyah bin Abi Sufian dan Abu Musa al-Asyari
	Berilmu	(ii) Memiliki ketinggian ilmu dalam pelbagai bidang sehingga dilantik sebagai hakim di Yaman

5.10.3

Pencapaian Pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin

PBD Formatif

Buku Teks ms. 158 – 159

3. Terangkan pencapaian pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin berdasarkan jadual di bawah.

TP 4

TP 5

SP
5.10.3

Aspek	Nama khalifah	Pencapaian
(a) Agama	Abu Bakar al-Siddiq	Berjaya memerangi golongan murtad, nabi palsu dan golongan enggan bayar zakat



Aspek	Nama khalifah	Pencapaian
(b) Politik	Abu Bakar al-Siddiq	Pembukaan wilayah baharu Islam di Iraq dan Syam
(c) Ekonomi	Ali bin Abi Talib	Meneruskan kutipan jizyah yang dikenakan kepada golongan zimmi
(d) Sosial	Umar bin al-Khattab	Memperkenalkan Undang-Undang Pentadbiran Tanah
(e) Ketenteraan	Uthman bin Affan	Menubuhkan angkatan tentera laut Islam yang pertama bagi tujuan keselamatan dan perluasan kuasa jajahan Islam
(f) Pendidikan	Umar bin al-Khattab	Menubuhkan sekolah, iaitu I-Kuttab

5.10.4**Iktibar Pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin****PBD** *Formatif*

Buku Teks ms. 160

- 4.** Huraikan iktibar yang harus diteladani oleh umat Islam daripada pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin.

SP
5.10.4**TP 6****INFO**Formula
khulafa
ar-Rasyidin

- (a) Kita hendaklah mencontohi kepimpinan khalifah dengan mengutamakan kesejahteraan agama, rakyat dan negara.
- (b) Kita hendaklah mengukuhkan perpaduan umat Islam dengan memelihara hak antara satu sama lain.

Aktiviti PAK-21**Peta Minda****KBAT**

Menganalisis

- Murid membuat aktiviti dalam kumpulan.
- Guru memberikan tajuk "Era pemerintahan kerajaan Islam selama 1400 tahun".
- Murid berbincang dalam kumpulan mengenai tajuk yang diberikan.
- Hasil dapatan dipersembahkan dalam bentuk peta minda dan dibentangkan di hadapan kelas.

TP 6

Tahap Penguasaan Pelajaran 18 TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

KERTAS 1

1. (a) (i) Nyatakan **dua** ciri kepimpinan khalifah Umar bin al-Khattab r.a..

Buku Teks
ms. 155

- Tegas.
- Cekap.

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** pencapaian pemerintahan khalifah Umar bin al-Khattab r.a. dalam bidang sosial.

Buku Teks
ms. 159

- Mengasaskan takwim Islam, iaitu tahun hijrah.
- Memperkenalkan undang-undang pentadbiran tanah.

[4 markah]

(iii) Terangkan **dua** cara untuk mencontohi keunggulan pemerintahan khalifah Umar bin al-Khattab r.a..

- Mengukuhkan perpaduan umat Islam dengan memelihara hak antara satu sama lain.
- Menyumbang kepakaran yang dimiliki untuk pembangunan dan kemajuan negara.

KBAT Menganalisis

[4 markah]



Kepimpinan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq begitu terserlah dan berjaya memberi kestabilan kepada kerajaan Islam yang pernah dipimpin oleh Rasulullah SAW.

KBAT
Menganalisis

1. Huraikan peranan Sayidina Abu Bakar al-Siddiq sehinggakan beliau dianggap sebagai “Penyelamat negara dan umat Islam”.

Abu Bakar telah mengemukakan hujah supaya khalifah mesti dipilih dalam kalangan Muhajirin untuk mengelakkan perpecahan sesama kaum Aus dan Khazraj. Beliau juga berjaya menyelesaikan isu golongan yang enggan membayar zakat, golongan nabi palsu, golongan murtad dan menangani masalah ancaman musuh luar negara Islam apabila menggerakkan semula tentera yang dibentuk oleh Rasulullah SAW di bawah pimpinan Usamah bin Zaid. Kesimpulannya, semua kejayaan yang dicapai pada zaman Khalifah Abu Bakar al-Siddiq telah dapat menyelamatkan umat Islam daripada perpecahan.

Sayidina Umar bin al-Khattab mempamerkan contoh kepemimpinan cemerlang dan perlu dijadikan contoh.

KBAT
Menganalisis

2. Buktikan kecemerlangan kepimpinan Sayidina Umar bin al-Khattab dengan mengemukakan hujah yang bernas.

Ciri kepimpinan hebat yang ditonjolkan Sayidina Umar al-Khattab r.a. ialah keberanian menerajui perubahan dan inovasi dengan penetapan takwim hijrah dan penetapan sistem gaji untuk tentera dan pekerja kerajaan, sistem pos, permulaan jawatan polis untuk mengawal keamanan kota khususnya pada waktu malam serta pemantauan dan kawalan ketat terhadap urusan niaga di pasar. Kesimpulannya, pemimpin kini perlu meletakkan inovasi dan pembaharuan sebagai agenda kepimpinan supaya mampu menjadi pemimpin yang hebat.

PELAJARAN

21

Keunggulan Tokoh Empat Mazhab



»» Keperibadian Tokoh Empat Mazhab

Keperibadian tokoh empat mazhab

Imam Abu Hanifah rahimahullah

- Sangat memuliakan ilmu pengetahuan
- Kuat beribadat seperti sentiasa melakukan qiamullail, berpuasa sunat dan selalu khatam al-Quran

Imam Malik rahimahullah

- Menghormati dan mencintai ilmu dengan berpegang teguh pada prinsip "murid mencari guru"
- Memuliakan majlis pengajian hadis Rasulullah SAW dengan memakai pakaian yang bersih dan wangi-wangian

Imam Syafie rahimahullah

- Sanggup tinggal bersama-sama dengan kaum Arab Badwi demi menguasai bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Arab
- Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu

Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah

- Memiliki sifat pemaaf yang sangat tinggi
- Banyak membaca dan menghafaz al-Quran sejak berusia sembilan tahun

5.13.1

Riwayat Hidup Tokoh Empat Mazhab

PBD Formatif

Buku Teks ms. 179 – 182

1. Nyatakan riwayat hidup tokoh empat mazhab berdasarkan maklumat di bawah. TP 1 TP 2

SP

5.13.1

	(a) Al-Imam Abu Hanifah	(b) Al-Imam Malik	(c) Al-Imam al-Syafie	(d) Al-Imam Ahmad bin Hanbal
Nama penuh	(i) Al-Nukman bin Thabit al-Kufi	(i) Malik bin Anas al-Madani	(i) Muhammad bin Idris al-Syafie	(i) Ahmad bin Muhammad bin Hanbal
Tarikh lahir	(ii) 80H di Kufah	(ii) 93H di Madinah	(ii) 150H di Ghazzah	(ii) 164H di Baghdad
Tarikh wafat	(iii) 150H	(iii) 179H	(iii) 204H	(iii) 241H
Kunyah (Gelaran)	(iv) Abu Hanifah	(iv) Abu Abdullah	(iv) Abu Abdullah	(iv) Abu Abdullah
Guru yang masyhur	(v) Hammad bin Abi Sulaiman	(v) Nafi'al-Madani	(v) Imam Malik bin Anas	(v) Al-Imam al-Syafie

5.13.2

Sumbangan Tokoh Empat Mazhab

PBD Formatif

Buku Teks ms. 183 – 184

2. Terangkan sumbangan tokoh empat mazhab kepada tamadun Islam di bawah. TP 4

SP

5.13.2

	Tokoh	Hasil karya	Murid terkenal
(a)	Al-Imam Abu Hanifah	(i) Al-Faraid (ii) Al-Fiqh	(i) Abu Yusof (ii) Muhammad bin al-Hassan al-Syaibani
(b)	Al-Imam Malik	(i) Al-Muwattok	(i) Al-Imam al-Syafi'e (ii) Abdullah bin Abdul al-Hakam
(c)	Al-Imam al-Syafie	(i) Ar-Risalah (ii) Al-Umm	(i) Ahmad bin Hanbal (ii) Abu Ibrahim Ismail bin Yahya al-Muzni
(d)	Al-Imam Ahmad bin Hanbal	(i) Al-Musnad (ii) At-Tarikh	(i) Al-Imam Hasan bin Musa (ii) Al-Imam Hanbal bin Ishak



3. Terangkan sumbangan tokoh empat mazhab dalam perkembangan mazhab fikah.

TP 5

SP
5.13.3

	Tokoh	Asas mazhab	Negara mazhab tersebar
(a)	Al-Imam Abu Hanifah	(i) <u>Fatwa para sahabat</u> (ii) <u>Qias</u>	(i) <u>Seluruh Asia Tengah</u> (ii) <u>Eropah</u>
(b)	Al-Imam Malik	(i) <u>Qias</u> (ii) <u>Masalih al-Mursalah</u>	(i) <u>Mesir</u> (ii) <u>Andalus</u>
(c)	Al-Imam al-Syafie	(i) <u>Ijmak</u> (ii) <u>Qias</u>	(i) <u>Mesir, Iraq, Parsi</u> (ii) <u>Malaysia, Brunei dan Indonesia</u>
(d)	Al-Imam Ahmad bin Hanbal	(i) <u>Fatwa para sahabat</u> (ii) <u>Qias</u>	(i) <u>Baghdad</u> (ii) <u>Mesir</u>

NOTA
eP+

5.13.3

Iktibar Keunggulan Tokoh Empat Mazhab

PBD Formatif

Buku Teks ms. 185

4. Huraikan iktibar yang harus dihayati oleh umat Islam daripada keunggulan tokoh empat mazhab.

SP
5.13.3



MAHIR SPM

TP 6

KBAT
Menganalisis

- (a) Kita hendaklah mencontohi kegigihan dan kesabaran imam mazhab menuntut ilmu sebagai bukti mencintai ilmu.
- (b) Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki agar dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat.

INFO



Sumbangan Imam al-Syafie dalam bidang hadis

Aktiviti PAK-21



Kerusi Panas

KBAT

Menganalisis

- Murid membuat aktiviti di dalam kumpulan.
- Guru memberikan tajuk "Sejarah kemunculan mazhab fikah dalam Islam".
- Murid berbincang di dalam kumpulan mengenai tajuk yang diberikan.
- Guru memilih salah seorang murid untuk tampil di hadapan kelas untuk membentangkan hasil dapatan dan menjawab pertanyaan rakan-rakan di dalam kelas.

TP 6

Tahap Penguasaan Pelajaran 21 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

KERTAS 1

1. (a) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Imam Abu Hanifah r.h..

Buku Teks
ms. 179

- Nama penuh: Al-Nukman bin Thabit al-Kuf.
- Tarikh lahir: 80H di Kufah.
- Tarikh wafat: 150H.
- Kuniyah: Abu Hanifah.

[2 markah]

(ii) Terangkan **dua** sifat peribadi Imam Abu Hanifah r.h. yang boleh dicontohi oleh murid dalam menuntut ilmu.

Buku Teks
ms. 179

- Sangat memuliakan ilmu.
- Kuat ibadat seperti sering bangun malam berqiamullail, solat sunat dan berpuasa sunat.

[4 markah]

(iii) Terangkan **dua** ujian yang dilalui oleh Imam Abu Hanifah r.h. dalam menegakkan pendiriannya.

- Pernah dipenjara dan disebat seratus kali kerana menolak jawatan jurutulis surat rasmi kerajaan Bani Umayyah.
- Di penjara kerana menolak jawatan hakim di Baghdad.

KBAT Menganalisis

[4 markah]



Imam al-Zahabi menyatakan bahawa Imam Abu Hanifah telah mempelajari hadis selama lima puluh tahun, iaitu bermula pada tahun 100H hingga saat kematian beliau.

1. Huraikan sumbangan Imam Abu Hanifah dalam bidang ilmu hadis.

KBAT
Menganalisis

Imam Abu Hanifah diiktiraf sebagai seorang yang pakar dalam bidang ilmu rijal, iaitu ilmu tentang perawi hadis. Imam Tirmizi sendiri mengiktiraf beliau sebagai seorang yang berpengetahuan tinggi dalam menilai status para perawi hadis sekali gus melayakkan beliau untuk diiktiraf sebagai seorang imam dalam ilmu al-jarh wa al-Ta'dil. Kesimpulannya, Imam Abu Hanifah merupakan seorang yang sangat memberatkan hadis dan sanggup bermusafir untuk mendapatkan hadis.

Imam al-Syafie terkenal dengan gelaran Nasir al-Sunah (Penolong Sunah) kerana pegangannya yang teguh terhadap hadis.

2. Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

KBAT
Menganalisis

Sumbangan Imam al-Syafie dalam bidang hadis dapat dirujuk kepada beberapa kitab terutama kitab al-Risalah, Ikhtilaf al-Hadis, Musnad al-Syafie dan Sunan al-Syafie. Kitab al-Risalah susunan beliau telah diiktiraf oleh ulama sebagai kitab pertama yang dihasilkan mengenai ilmu usul al-fiqh dan juga sebagai kitab pertama mengandungi perbincangan ilmu ulum al-hadis. Kesimpulannya, kebanyakan hadis Imam al-Syafie ialah sahih dan tinggi sanadnya kecuali yang diterangkan daifnya oleh beliau sendiri.

EXCEL

PBD

MODUL PdPc & SPM

Tingkatan
4
KSSM

PENDIDIKAN ISLAM

Siri **EXCEL PBD** KSSM diterbitkan khas untuk menyokong pelaksanaan **Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)** secara menyeluruh, selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Siri ini memberi penekanan utama kepada **PBD Formatif** dan **PBD Sumatif**, yang merupakan komponen penting dalam menilai perkembangan pembelajaran murid secara berterusan dan menyeluruh.

Melalui **Praktis PBD Formatif**, murid dibimbing untuk membina kefahaman dan menguasai kemahiran dalam proses pembelajaran. Manakala **Praktis PBD Sumatif** pula membantu untuk menilai tahap pencapaian murid pada akhir sesuatu tempoh pembelajaran sebagai refleksi keberhasilan pembelajaran mereka. Setiap Praktis SPM disusun berdasarkan format dan kehendak terkini peperiksaan **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)**.

Siri ini turut menyediakan **bahan sokongan digital** yang mesra pengguna untuk guru dan murid, selaras dengan keperluan **Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)** abad ke-21.

Gabungan strategi pentaksiran yang berfokus, latihan berstruktur dan sokongan digital ini diyakini dapat meningkatkan kualiti pembelajaran murid dan seterusnya membantu mereka mencapai prestasi cemerlang.

Subjek/ Tingkatan

	4	5
Bahasa Melayu	✓	✓
English	✓	✓
Matematik / Mathematics	✓	✓
Matematik Tambahan / Additional Mathematics	✓	✓
Sains / Science	✓	✓
Fizik / Physics	✓	✓
Biologi / Biology	✓	✓
Kimia / Chemistry	✓	✓
Sejarah	✓	✓
Pendidikan Islam	✓	✓
Pendidikan Moral	✓	✓
Ekonomi	✓	✓
Perniagaan	✓	✓
Prinsip Perakaunan	✓	✓

PBD MANTAP & PIAWAI SPM

»» NOTA

»» PBD FORMATIF

- » Praktis Topikal
- » Aktiviti PAK-21
- » KBAT & i-THINK
- » KBAT Ekstra

»» JAWAPAN Kod QR

»» PBD SUMATIF

- » Praktis SPM
- » Pentaksiran Akhir Tahun Kod QR
- * *Disertakan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)*

INPUT DIGITAL

Kod QR

- » POT
- » Info
- » Video
- » Cetus Idea

CARA MENGAKSES

(Portal Ujian Soalan Objektif)



- 1 Imbas kod QR untuk *Create new account*.
- 2 Semak e-mel untuk mengaktifkan akaun.
- 3 Log in ke akaun anda.
- 4 Masukkan *Enrolment Key* yang terdapat pada halaman Praktis SPM buku.
- 5 Mulakan Ujian!

BONUS GURU



EDISI GURU INTERAKTIF
dengan butang **JAWAPAN**

- ✓ Edisi Guru PDF
- ✓ Praktis Ekstra
- ✓ Pentaksiran Akhir Tahun Ekstra

- ✓ e-RPH
- ✓ Bank Soalan SPM
- ✓ Nota Grafik
- ✓ Lain-lain

ePelangi+

<https://plus.pelangibooks.com/>



Beli dalam talian:

www.pelangibooks.com

Fuel Your Learning Journey

Berhubung dengan kami:

f Instagram Pelangi Publishing Pelangi Books Gallery

StudyBOT
My Study Buddy



<https://qr.pelangibooks.com/?u=STUDYBOT>

▶ Nota Animasi —
Ulang Kaji yang Pantas dan
Menyeronokkan

📱 Direka Khas untuk Telefon Pintar

📁 Tingkatan 4 & 5

Imbas dan
Langgan
di **ePelangi+**



**PENERBITAN
PELANGI** SDN. BHD.
(198201009396)

W.M: RM11.90 / E.M: RM12.50

AAMWPI2640011AS

ISBN: 978-629-498-617-6



9 786294 986176